

11/11/1997

Asia Tenggara boleh bangkit semula

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin negara Asia Tenggara yang kini dilanda kegawatan ekonomi akan bangkit semula untuk kembali menikmati kemakmuran seperti masa lalu.

Sambil menyifatkan krisis yang berpunca daripada kejatuhan ekonomi Thailand itu sebagai kesan 'tom yam', Perdana Menteri berkata, negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia akan pulih daripada masalah itu untuk menjadi rantau paling pesat membangun di dunia.

"Saya tidak ragu-ragu percaya kita akan dapat atasinya. Kita akan dapat atasi kegawatan ini dan akan kembali meneruskan perjalanan seperti sebelum ini," katanya ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Asia dan Eropah: Memeterai Kerjasama Untuk Abad Ke-21' di Panel Global Kuala Lumpur 1997 di sini hari ini.

Persidangan dua hari itu yang dianjurkan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Pusat Penyelidikan Eropah dan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) dihadiri ahli politik, perniagaan dan akademik.

Antara topik perbincangan membabitkan isu global yang menyentuh penggalakan perdagangan dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, sebagai seorang yang sudah banyak melihat apa yang dilalui oleh Asia sepanjang abad ke-20, beliau tanpa ragu-ragu lagi menyifatkan tanggapan yang menyatakan Asia Timur atau Asia Tenggara akan jatuh, sebagai terlalu awal.

"Kebangkitan kita memang bukannya mudah. Perjalanan bagi kita semua sangat mencabar. Kita sudah mengalami banyak kebangkitan dan kejatuhan sepanjang 50 tahun lalu dan kita juga sudah acap kali diperkecilkan.

"Tetapi, masalah semasa yang dihadapi ketika ini tidak begitu serius dan sukar berbanding dengan apa yang dilalui pada masa lalu," katanya.

Menurutnya, kegawatan yang dihadapi tidak memberikan kesan kepada negara terbabit walaupun Tabung Mata Wang Dunia (IMF), Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB) serta beberapa pihak lain membuat kajian semula terhadap ramalan mereka dengan menetapkan unjuran jangka pendek yang menurun bagi rantau ini.

Malah, katanya, pengkritik paling lantang sekali pun akan bersetuju yang Asia Timur akan terus kekal sebagai rantau paling berkembang di dunia.

Dr Mahathir berkata, seperti 'kesan tequila' di Mexico yang menimbulkan kekecohan nilai mata wang di Amerika Latin, 'kesan tom yam' di Thailand pula menimbulkan kegawatan ekonomi di Asia Tenggara, terutama di Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura.

"Seperti yang kita semua tahu kegagalan Asia Tenggara boleh menular ke setiap negara dalam era globalisasi hari ini. Tiada siapa boleh mengatakan mereka akan terselamat daripada masalah itu," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, walaupun IMF memberikan markah tinggi kepada Malaysia kerana berpuas hati dengan asas ekonomi negara, keadaan itu masih tidak dapat melawan 'jangkitan kesan tom yam' serta serangan spekulator peniaga mata wang dan pelabur saham.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengingatkan rakyat Asia supaya mengukuhkan hubungan dengan Eropah kerana benua itu kuat, berpengaruh dan kaya, terutama dalam bidang reka cipta dan sains.

"Selepas 500 tahun, pembelajaran kita daripada Eropah masih belum berakhir. Mereka yang menganggap Eropah tidak lebih sebagai fenomena sejarah dan tidak berupaya bangkit dengan kekuatan baru, nyata tersalah anggap," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan Eropah yang negara Asia Tenggara, Timur Laut dan rantau Asia lain akan menjadi lebih kuat, berpengaruh dan kaya pada abad ke-21.

"Kegemilangan Asia dalam bidang ciptaan dan sains akan kembali. Asia akan terus menjadi pelajar yang hebat, tetapi pada masa yang sama, orang lain harus bersikap bijak dengan belajar seperkara dua daripada benua ini," katanya.

(END)